

# دولت بکاوه دولی توان قائیق

## Daulat Kebawah Duli Tuan Patik



ڤلیتا برونی  
PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

### Keluaran Khas

SEMPENA SAMBUTAN  
PERAYAAN ULANG  
TAHUN KEPUTERAAN  
KEBAWAH DULI YANG  
MAHA MULIA PADUKA  
SERI BAGINDA SULTAN  
DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM

Ke-  
77  
Tahun



## Raja pemedulian jamin kesejahteraan rakyat

**D**ENGAN kepimpinan bijaksana dan kewibawaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memerintah Negara Brunei Darussalam (NBD) selama hampir 56 tahun telah berjaya meletakkan negara duduk sama rendah, berdiri sama tinggi seiring dengan negara-negara maju di dunia.

Kebijaksanaan baginda memerintah negara bukan sahaja mendapat pujian dan sanjungan daripada rakyat dan penduduk negara ini yang sentiasa berada di sisi baginda dalam apa jua suasana tetapi baginda juga mendapat pujian dan ristaan di peringkat antarabangsa sehingga bumi Darussalam ini menjadi sebuah

negara yang digalati dan disegani.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang diputerakan pada 15 Julai 1946 di Istana Darussalam Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan) sememangnya seorang raja pewaris sistem pemerintahan yang berpaksikan kepada ugama Islam.

Baginda mendapat pendidikan awal semasa menuntut di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Brunei dan kemudiannya di Victoria Institute, Kuala Lumpur. Setelah baginda ditabalkan menjadi Pengiran Muda Mahkota, baginda mengikuti kursus ketenteraan di The Royal Military Academy, Sandhurst, Berkshire, United Kingdom sebelum ditabalkan menjadi Sultan Brunei Ke-29 pada 5 Oktober 1967. Dengan latar belakang pendidikan dan kursus yang baginda jalani, ia merupakan persiapan awal yang dilakukan sebelum baginda memikul tanggungjawab sebagai seorang pemimpin negara.

### Kepimpinan berteraskan ajaran Islam

Di bawah kepimpinan Kebawah DYMM, baginda sentiasa menitikberatkan prinsip

ajaran Islam dan hukum-hukum Allah Subhanahu Wata'ala bersandarkan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan bermazhabkan Imam Asy-Syafi'iie. Sementara Melayu Islam Beraja (MIB) pula merupakan falsafah negara yang menjadi unsur utama kehidupan bagi rakyat di NBD.

Bagi kita di NBD amat bersyukur kerana dikurnia seorang raja yang laila adil dan kuat berugama. Sepanjang pemerintahan baginda selama berada di atas takhta, sejak tahun 1967 sehingga hari ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan baginda bagi memeduli dan mengalina hal dan keperluan rakyat daripada perkara besar sehingga perkara yang sekecil-kecilnya, yang tidak sepatutnya tidak perlu diselesaikan dan diketahui oleh seorang pemimpin negara. Walau bagaimanapun disebabkan oleh sikap kepimpinan dan keperibadian baginda yang sangat mengambil berat akan perihal masalah rakyat sehingga sanggup turun padang berbasah berkaring menyantuni rakyat menyebabkan baginda dikenali sebagai seorang raja

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani  
Foto : Jabatan Penerangan

pemedulian.

Corak kepimpinan Kebawah DYMM ini saling tidak tumpah seperti yang pernah diperlakukan oleh paduka ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam mendekatkan diri dengan rakyat bagi mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh rakyat jelata. Kepimpinan Al-Marhum tersebut terus tersemai dan diwarisi oleh baginda sehingga ke hari ini dalam memerintah NBD.

Berkat kepimpinan baginda tersebut negara telah dapat menikmati pelbagai kemudahan, pembangunan dan mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang khususnya pendidikan, kesihatan, perekonomian, kemasyarakatan dan sebagainya. Dengan keprihatinan baginda terhadap rakyat jelata tersebut menyebabkan rakyat sangat mengasihi baginda dan tidak kendur-kendur mendoakan kesejahteraan baginda agar kekal karar di atas takhta.





# Ketua keluarga yang penyayang

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
Foto : Jabatan Penerangan

**K**EBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah melangsungkan perkahwinan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha pada 28 Julai 1965 dan dikurniakan 12 orang putera dan puteri.

Sebagai seorang pemimpin yang digalati dan berwibawa yang membawa negara ini menuju pembangunan dan kemajuan yang dihasratkan dalam Wawasan Negara 2035, baginda menjalankan pentadbiran negara dengan jayanya dan ini tidak terkecuali dalam menjalankan peranan baginda sebagai seorang ketua keluarga. Kebahagiaan keluarga baginda dapat disaksikan dalam mana-mana liputan yang membabitkan baginda dan keluarga baik dalam acara-acara rasmi maupun bukan rasmi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menjadi figura yang

disayangi kerana sering memperlihatkan sikap penyayang dan kasih terhadap ahli kerabat diraja yang lain. Seringkali dalam satu-satu majlis rasmi yang melibatkan baginda serta kerabat diraja yang lain, rakyat dan penduduk akan dapat menyaksikan kemesraan, kasih sayang serta ikatan kekeluargaan yang kukuh. Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga sering berangkat ke mana-mana majlis yang melibatkan anakanda baginda seperti menyertai aktiviti di sekolah, majlis konvoesyen, sukan regatta atau sukan polo. Dan setentunya juga ini menjadi contoh terbaik untuk menjadi ikutan rakyat dan penduduk di negara ini di mana hal-hal yang melibatkan keluarga sentiasa diutamakan.

Kesibukan baginda tidak pernah menghalang baginda untuk memberikan kasih sayang serta tunjuk ajar yang sewajarnya kepada anakanda-anakanda baginda. Baginda sering menekankan kepentingan pendidikan dan asas keagamaan yang kukuh kepada rakyat dan prinsip inilah juga turut diamalkan dalam keluarga baginda.

Sebagai seorang ayahanda, baginda mendidik dan mengisi ilmu ke dalam dada

anakanda baginda, yang perlu digunakan dengan penuh keyakinan untuk kejayaan masa depan. Beberapa majlis konvoesyen anakanda-anakanda di dalam atau di luar negeri juga menyaksikan keberangkatan baginda sebagai tanda dukungan. Kejayaan anakanda dalam bidang pendidikan merupakan satu kebanggaan kepada baginda.

Dengan menjadikan negara ini Negara Zikir dan sentiasa mengamalkan falsafah Negara Melayu Islam Beraja untuk senantiasa mengingat dan mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala supaya dapat mewujudkan sebuah kehidupan yang aman damai yang senantiasa direndai dan dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala maka tidak hairanlah Kebawah DYMM menerapkan pendidikan agama yang secukupnya kepada anakanda-anakanda baginda. Tidak dinafikan majlis-majlis keagamaan seperti majlis khata'ul Al-Quran anakanda-anakanda baginda menjadi sorotan rakyat kerana majlis ini menunjukkan pendidikan agama tetap menjadi keutamaan.

Baginda juga sering membawa anakanda baginda dalam majlis-majlis keagamaan

seperti Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Sambutan Awal Tahun Hijriah, Majlis Ibadah Korban, Majlis Musabaqah Al-Quran dan lain-lain lagi untuk menerapkan pengajaran Islam kepada anakanda-anakanda baginda.

Apa yang lebih menyerlah lagi ialah baginda mempunyai hobi yang sama dengan anakanda-anakanda baginda seperti sukan polo, regatta, berbasikal, dan sukan lain lagi, dengan menghabiskan masa bersama anakanda baginda lebih merapatkan lagi kasih sayang yang terjalin. Inilah contoh keluarga yang menjadi idola bagi seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.

Selaku seorang raja yang memimpin negara dan ketua keluarga, setentunya tanggungjawab yang digalas begitu besar tetapi dengan kebijaksanaan baginda, keseimbangan sebagai pemimpin negara dan seorang ayahanda mencerminkan ketokohan baginda yang cemerlang.





Oleh : Nurhamiza Haji Roslan  
Foto : Jabatan Penerangan

**K**EBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diputerakan pada 15 Julai 1946. 22 tahun kemudian, pada 1 Ogos 1968 Masih bersamaan 6 Jamadilawal 1388 Hijrah baginda ditabalkan menjadi Sultan Negara Brunei Darussalam yang Ke-29. Tahun ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan mencapai usia 77 tahun, menandakan tahun ke-55 pemerintahan baginda.

#### Menaiki takhta dalam kegemilangan

Telah menjadi satu ristaan sejarah apabila pada 5 Oktober 1967 Pengiran Muda Mahkota Sultan Hassanal Bolkiah ditabalkan sebagai Sultan Brunei yang Ke-29. Istiadat Pertabalan telah berlangsung di Istana Darul Hana yang dihadiri oleh ahli-ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja, Wazir-Wazir, Cheteria, Pehin-Pehin, Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan.

Pada 1 Ogos 1968, Istiadat Perpusaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia diraikan dengan penuh gilang-gemilang dan adat istiadat. Baginda turut berkenan menaiki kenderaan khas dan dibawa mengelilingi ibu kota Bandar Brunei dengan disaksikan oleh seluruh rakyat dan penduduk dari pelusuk negara ini.

Mengimbas kembali, dalam masa 55 tahun tersebut seluruh rakyat Brunei telah menyaksikan dua peristiwa bersejarah, penuh adat istiadat yang tersangat istimewa iaitu

## Momen terindah untuk rakyat

Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta setelah 25 tahun memerintah dan kemudian, Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menandakan genap 50 tahun memerintah di atas takhta singgahsana.

Bersempena Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia, semasa Istiadat Mengadap yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengurniakan titah yang antara lain menyatakan bahawa baginda bersyukur dalam masa 25 tahun pemerintahan baginda, Negara Brunei Darussalam telah dapat meningkat dan berkembang sebagai sebuah negara yang membangun. Dalam titah itu juga baginda menyentuh mengenai hubungan raja dan rakyat.

"Bagi kita hubungan Raja dengan rakyat bukanlah semata-mata berdasarkan tradisi antara yang memerintah dengan yang diperintah, tetapi juga diajalin oleh tanggungjawab secara timbal balik, dalam

makna sama-sama menuaikan amanah Allah Ta'ala menurut batas-batas yang direldai-Nya. Kerana itu beta berdoa, mudah-mudahan apa yang sedang kita nikmati ini akan berkekalan dengan izin Allah menjadi kebanggaan kita semua dan juga generasi yang akan datang."

Sambutan Jubli Perak Kebawah DYMM bertarikh 5 Oktober 1992. Semasa berlangsungnya Istiadat Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan Sempena Jubli Perak Kebawah DYMM Menaiki Takhta rakyat jelata dengan rasa bangga dan gembira menyaksikan raja kesayangan diarak mengelilingi bandar.

Kebawah DYMM terkenal dengan jolokan 'Raja Berjiwa Rakyat' kerana sifat baginda yang sangat prihatin kepada rakyat. Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM yang jatuh pada 5 Oktober 2017 dianggap sebagai hari sejarah, bukan sahaja untuk baginda tetapi seluruh rakyat dan penduduk NBD. Pada Istiadat Mengadap di Istana Nurul Iman yang berlangsung pada hari itu, Kebawah DYMM mengurniakan satu titah sangat bermakna yang antaranya

mengetengahkan hubungan baginda dengan rakyat.

"Hari ini adalah hari paling bersejarah bagi Beta sendiri, dan juga bagi seluruh rakyat dan penduduk di negara ini. Sejara Beta adalah juga sejarah bangsa dan negara. Kerana siapa Beta selaku raja, tidak boleh putus hubungan dengan bangsa dan negara. Tegasnya, Beta, tetap berkongsi sejarah dengan mereka.

Kerana itulah, perayaan ini menjadi milik bersama di antara Beta selaku raja dan rakyat jelata. Kalau Beta dilihat gembira, maka rakyat juga adalah berhak untuk bergembira. Jika Beta bersyukur, maka rakyat juga patut bersyukur.

Demikian itu hubungan raja dengan rakyat. Tidak ada tembok pemisah di antara mereka. Kewajipan raja berlaku adil kepada rakyat, sementara kewajipan rakyat pula menta'ati raja. Raja berkewajipan untuk mengetahui susah senang rakyat, sementara rakyat pula dituntut untuk bersimpati kepada raja. Inilah namanya kewajipan timbal balik untuk kesejahteraan semua. Raja dan rakyat sama-sama memegang amanah besar ini."





الْمُؤْمِنُ بِهِ أَوْلَى  
بِالْمُؤْمِنِ بِهِ مَا  
أَنْ يَعْلَمُ  
أَنْ يَعْلَمُ

**Raja dedikasi, aktif sumber inspirasi kesukanan negara**

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
Foto : Jabatan Penerangan

**K**EIMPINAN dan keaktifan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya dalam bidang sukan amat terserlah dengan penyertaan baginda dalam Sukan Polo, Riadah Berbasikal, Berlumba Perahu dan banyak lagi.

Sehubungan itu, ia menjadi satu inspirasi dan dorongan buat rakyat jelata untuk sentiasa aktif dan lebih berkecimpung lagi dalam pelbagai bidang sukan sekali gus memajukan dan memantapkan lagi bidang sukan di negara ini.

Sukan di negara ini.  
Dengan kemesraan yang tidak berbelah bahagi, rakyat dan penduduk di negara ini terus dan akan menitikberatkan lagi akan keharmonian hubungan rakyat dengan raja yang dikasihi melalui penyertaan

di dalam bidang sukan, di mana dapat disaksikan melalui acara-acara riadah seperti Riadah Berbasikal bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang disertai rakyat dan penduduk.

Justeru, ia melambangkan bahawa rakyat dan penduduk sentiasa padu dalam bersama-sama baginda untuk menjadi warga penduduk yang sihat dan aktif malah penduduk sentiasa merafakkan kesyukuran kerana diberikan pemimpin yang berjiwa rakyat, berdedikasi, berkarsma, bertenaga dan gigih serta aktif.

**Bertenaga, terus aktif**

Sebagaimana aktifnya Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien semasa hayat baginda dalam menyertai bidang sukan seperti berlumba perahu dan tarik kalat, begitulah juga anakanda baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa aktif dalam bersukan.

Selain riadah berbasikal, baginda juga aktif dalam berlumba perahu khususnya semasa keberangkatan baginda ke Regatta Brunei Darussalam bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda beberapa tahun yang lalu.

Sungai Brunei menjadi saksi akan

Ketangkasan baginda berlumba perahu khususnya dalam Acara Lumba Perahu Fiberglass Acara Khas 15 Pekayuh. Lantas, ia menjadi satu dorongan dan motivasi bagi rakyat dan penduduk untuk terus aktif dalam menceburia apa sahaja bidang kesukanan sekali gus menjadikan baginda sebagai pendorong untuk maju dan bersemangat dalam kesukanan.

### **Inspirasi, galakan hebat**

Keberangkatan baginda khususnya dalam mana-mana perlawanan sukan, setentunya akan memberikan lagi semangat yang tinggi khususnya bagi peserta-peserta sebagai contoh, semasa kejohanan-kejohanan sukan polo seperti Kejohanan Polo sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menerima Takhta pada tahun 2017 dan Kejohanan Akhir Polo bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-72 tahun serta Kejohanan Polo Amal 2023 yang diadakan baru-baru ini.

Amal 2023 yang diadakan baru-baru ini. Selain itu, semangat kesukuan baginda juga terbukti dengan keberangkatan baginda pada Acara Pembukaan Sukan Asia Tenggara (SEA Games) sebagai contoh pada Sukan SEA Games pada tahun 2015, 2017 dan 2019. Lantas, ini memberikan satu galakan dan semangat yang tinggi buat peserta untuk terus maju dan memberikan persaingan yang hebat dalam bersukan.

Dalam menghargai usaha dan semangat yang jitu khususnya

pada penggiat sukan di negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) kepada atlet-atlet negara yang telah meraih kejayaan khususnya dalam beberapa bidang sukan sebagai contoh, Atlet Sukan Wushu, Awang Mohammad Adi Salihin bin Roslan yang telah dikurniakan PJK atas kejayaannya dalam temasya Sukan SEA Ke-30 dan Pasukan Brunei yang merjuarai Piala Hassanal Bolkiah pada tahun 2012 dan Piala Malaysia 1999.

Lantas, ini menunjukkan akan keprihatinan dan penghargaan baginda kepada atlet-atlet negara serta memperlihatkan sokongan dan dorongan secara berterusan baginda kepada atlet-atlet negara.

negara. Sehubungan itu, kemesraan dan keharmonian erat hubungan antara raja dan rakyat sentiasa terjalin dengan penglibatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam acara-acara sukan di mana ia setentunya akan menjadi ristaan dan kenangan yang abadi.





## Raja berjiwa rakyat perlu disyukuri

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

**R**AJA yang dilantik adalah ketua negara yang memegang tumpuk kerajaan. Sebenarnya tanggungjawab dan amanah yang dipikul oleh seorang raja memang sungguh berat. Raja yang melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik akan beroleh jaminan kemuliaan dan kedudukan yang istimewa daripada Allah Subhanahu Wata'ala, mereka lah juga orang-orang yang sangat dikasihi Allah Subhanahu Wata'ala. Itulah kelebihan yang akan diperolehi oleh seorang raja berbanding dengan orang lain.

Selaku rakyat dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam, kita sedia maklum di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah seorang raja dan pemimpin yang berjiwa rakyat.

Raja ibarat payung, yang bersedia menaungi rakyat dari panas terik mentari serta sanggup melindungi mereka dari hujan ribut yang melanda. Demikianlah betapa beratnya peranan seorang raja terhadap keseluruhan rakyat yang dipimpinnya. Rakyat pula adalah lambang kekuahan dan kesinambungan institusi beraja. Sebagai imbal balik, institusi diraja itu nanti pula, akan dapat memainkan peranannya sebagai payung dan penaung untuk keseluruhan rakyat jelata.

Memang diakui dan terbukti betapa raja yang kita junjung begitu dekat dengan kehidupan sehari-hari kita. Kecenderungan baginda bercemar duli, dalam acara-acara

keugamaan umpamanya, dapat dijadikan bukti betapa raja kita berjiwa rakyat yang berpegang teguh kepada agama. Wajah baginda yang sentiasa mengukir senyuman apabila berkesempatan untuk berkumpul bersama rakyat jelata, sambil melayani karenah mereka berebut-rebut untuk bersalaman dan menciumi tangan baginda. Panas membahang atau hujan melanda, tidak pernah menjadi penghalang bagi rakyat untuk berhimpit-himpit dan menunggu dengan sabar, peluang untuk turut berziarah demi raja yang amat disayangi. Ini terbukti semasa junjung ziarah raja bersama rakyat di keempat-empat daerah di mana dalam keadaan penuh ramai tersebut tidak pernah melenturkan semangat rakyat untuk memandangi wajah yang berdaulat, walaupun sedikit cuma dan ini menjadikan orang kebanyakan turut berasa hampir dengan institusi diraja.

Saat baginda Sultan bercemar duli adalah antara yang dinanti-nantikan oleh rakyat jelata kerana inilah masa untuk rakyat bersua muka secara dekat dengan baginda dan mengambil peluang merakamkan foto bersama baginda. Setiap detik baginda bercemar duli adalah kenangan indah rakyat tanpa mengira bangsa, usia dan agama. Adakala, baginda berbicara dan bergurau dengan mereka, menjalankan silaturahim antara raja dan rakyat yang sungguh bererti. Kasihnya rakyat setentunya menjadikan baginda terus kental di persada Darussalam.

Ikatan raja dan rakyat sentiasa dipertahankan dalam apa jua keadaan. Oleh itu, istilah 'Raja Berjiwa Rakyat' ternyata bukan sekadar istilah kosong atau ungkapan semata-mata, tetapi menggambarkan keperibadian Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pemimpin kita yang dikasihi.





## Kegemilangan dalam pentadbiran Kebawah DYMM

Oleh : Norliah Md. Zain  
Foto : Jabatan Penerangan

**K**EBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat mementingkan kemantapan pentadbiran negara.

Semasa bertitah pada Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 kali pertama bagi tahun 2023 baginda telah menegaskan :

"Oleh itu semua pihak tidaklah boleh goyang kaki melainkan sama-sama mestilah serentak menggandakan usaha ke arah mencapai semua sasaran yang telah ditetapkan. Pihak pelaksana tidak boleh lemah atau semangat sejuk untuk menghadapi sebarang cabaran. Sangat mustahak untuk diingat bahawa sebarang usaha atau kerja untuk mengurus negara dan kerajaan memang tidak sunyi dari cabaran".

Baginda telah menegaskan bahawa Wawasan Brunei 2035 merupakan aspirasi baginda sendiri bagi melihat pembangunan negara berjalan lancar.

Kelaziman baginda mengadakan lawatan sama ada keberangkatan berjadual atau pun tidak berjadual ke jabatan-jabatan kerajaan dan organisasi-organisasi membuktikan keprihatinan baginda bagi mengetahui dengan lebih dekat lagi pelaksanaan sesebuah organisasi tersebut.

Semasa keberangkatan baginda tidak berjadual ke Ibu Pejabat Kampus Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB), di Jalan Kustin, baginda bertitah menekankan RB selaku organisasi yang dibanggakan perlu mengatasi kekurangan-kekurangan atau kelemahan-kelemahannya, dan ia tidak boleh diam begitu sahaja tanpa sebarang usaha untuk mengatasi kekurangan atau kelemahan tersebut. Malah baginda turut menekankan pengurusan yang cemerlang dan maka untuk itu, tidak lain ialah memerlukan mekanisme yang berpengalaman serta efisien.

Baginda amat mementingkan pelaksanaan pentadbiran hendaklah berlandaskan Melayu Islam Beraja, menepati konsep Negara Zikir dan bercalak Brunei.

Sebagaimana baginda bertitah Sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Bagi Tahun

1444 Hijrah / 2023 Masihi :

"Beta mahu semua ahli hendaklah berfikiran terbuka tetapi bebas daripada sebarang pengaruh luar. Kerana kita sesungguhnya tidak mahu sebarang anasir mungkin mencemari kemurnian calak Brunei kita".

### Lawatan keluar negara

Keberangkatan baginda keluar negara menunjukkan pengiktirafan kepimpinan baginda oleh pemimpin luar. Lawatan seperti ini setentunya melakar jalan untuk meningkatkan kerjasama, sekali gus menyumbang kepada pembangunan negara. Pada tahun ini baginda telah berangkat ke beberapa buah negara antaranya ke Republik Indonesia bagi menghadiri Mesyuarat Sidang Kemuncak ASEAN, keberangkatan negara ke Kingdom of Bahrain, Kerajaan Arab Saudi, Republik Turkiye dan Australia.

Dengan keberangkatan itu, kerajaan telah memeterai beberapa perjanjian baru antaranya termasuklah hal ehwal wanita, kebudayaan, media, pendidikan, dan pertukaran antara masyarakat.

Keberangkatan baginda setentunya akan memperluaskan lagi kerjasama dua

hala dan mengeratkan hubungan, serta membolehkan peningkatan penyelarasan dalam perkara-perkara yang berkepentingan bersama.

Selain keberangkatan negara, baginda juga berkenan berangkat bagi menghadiri beberapa jemputan seperti Istiadat Pertabalan His Majesty King Charles III, King of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, dan Her Majesty Queen Camilla dan menghadiri Istiadat Perkahwinan Diraja bagi anakanda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibn Al Hussein, Raja Jordan, iaitu His Royal Highness Prince Al Hussein, Putera Mahkota Jordan dengan Miss Rajwa Khalid Alseif yang turut dihadiri oleh jemputan-jemputan khas termasuk ahli-ahli kerabat diraja serta para pemimpin dari negara-negara lain.

Begitulah keakraban hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan negara luar. Sama-sama kita menjunjung dan menanai titah baginda demi mencemerlangkan Brunei ke persada dunia.



# دولت گباؤه دوی توان ڤائیپق

## Daulat Kebawah Duli Tuan Patik



WARGA JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI MERAFAKKAN  
SEMBAH UCAPAN SELAMAT ULANG TAHUN  
KEPUTERAAN KE HADAPAN MAJLIS KEBAWAH  
DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-77, TAHUN 2023